

HARTA INTELEK



Oleh: C.H.E. DET

BOMOH Melayu mengenakan "penge ras" apabila mengubat pesakit. Biasanya pengeras ini merupakan bayaran yang tidak tinggi, sebanyak dua tiga ringgit dan beberapa sen sahaja.

Ramuan ubat diberi bersama jampi yang hanya bomoh berkenaan sahaja yang tahu. Mungkin ramuan ini benar-benar mustajab. Tetapi kerana dirahsiakan maka tidak dapatlah sesiapa yang lain menggunakannya. Kadang-kadang bomoh memperturunkan ramuan dan jampi kepada anak-anaknya. Tetapi kerap kali tidak. Apabila tidak diperturunkan maka hilanglah ilmu dan pengetahuan ini apabila bomoh meninggal dunia. Maka rugilah masyarakat kerana kehilangan ubat atau jawatan yang begitu mustajab. Jumlah ilmu pengetahuan masyarakat juga tidak bertambah dan masyarakat tidak dapat maju.

Di Barat, iaitu di kalangan bangsa Eropah, apa jua ilmu atau kejadian biasanya dicatit dan disimpan. Masing-masing berbangga dengan ilmu mereka terutama yang diterokai oleh mereka.

Generasi yang menurut akan mewarisi ilmu dan pengetahuan generasi yang lepas, akan mengkaji dan menambah kepada apa yang diwaisinya. Semakin lama semakin bertambahlah jumlah ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh anggota masyarakat Eropah.

Supaya hasil dari ilmu yang diterokai atau dicipta oleh seseorang akan dinikmati olehnya undang-undang di adakan supaya hak cipta dipelihara. Perlindungan ini dihadkan kepada jangka masa tertentu. Kemudian dari itu perlindungan ditamatkan dan hasil cipta dan penerokaan menjadi milik masyarakat.

Dengan undang-undang perlindungan ini maka kaji selidik dan penerokaan menjadi satu kegemaran dan juga industri. Hari ini tidak ada perniagaan atau industri yang tidak mempunyai fasiliti dan bahagian kaji selidik sepanjang masa. Hasilnya ialah semua usaha dan produk dibai ki sepanjang masa.

Oleh kerana kaji selidik menelan belanja, maka syarikat peniaga dan pengusaha berpendapat belanja ini perlu ditampung melalui harga jualan. Kos pengeluaran perlu ditambah dengan kos selidik. Oleh kerana bagi satu produk yang boleh dipasarkan, mungkin sepuluh, atau seratus atau lebih produk yang di kenal pasti, dikaji dan digurukan, maka belanja kajian ke atas yang digugurkan perlu diperolehi dari hasil jualan produk yang dapat dipasarkan.

Demikian syarikat farmasetikal membelanjakan berbilion dollar mengkaji beratus ubat sebelum terjumpa dengan satu yang boleh digunakan. Daripada penjualan yang satu ini syarikat akan cuba mendapat balik perbelanjaan kaji selidik ubat-ubat yang tidak berguna dan juga kaji selidik yang perlu diteruskan untuk mengenalpasti lain-lain ubat.

Oleh kerana perhitungan seperti ini maka ubat yang

6 Negara miskin ditinggal dengan rakyatnya yang tidak berbakat dan tidak berilmu pengetahuan. Keadaan ini tidak adil sama sekali. Sepatutnya negara miskin harus dapat balik pelaburan untuk melatih dan memberi pelajaran sehingga dapat dikenalpasti sebilangan yang kecil yang berbakat 9

boleh diguna perlu dijual dengan harga yang amat tinggi. Ubat untuk HIV-AIDS umpamanya begitu tinggi harganya sehingga hanya yang kaya sahaja yang boleh membelinya. Oleh kerana kebanyakan pesakit HIV-AIDS adalah miskin maka mereka tidak dapat dirawat.

Formula untuk ubat ini hanya boleh dipindah kepada syarikat lain jika royalti yang tinggi dibayar. Walaupun kos pengeluaran amat rendah tetapi bayaran royalti menaikkan kos begitu tinggi sehingga harga jualan menjadi sama dengan yang ditetapkan oleh syarikat asal. Sekali lagi alasan untuk dikenakan royalti yang tinggi ialah kerana syarikat peneroka perlu mendapat balik kos kaji selidik mereka dan kos untuk meneruskan kajian ke atas ubat berkenaan supaya lebih mustajab. Lain-lain kos juga cuba diperolehi dari royalti yang dikenakan.

Tentulah ramai pengidap penyakit HIV-AIDS yang miskin tidak akan dapat manfaat daripada ubat ini. Konsep ini dicipta oleh negara yang kaya dan berkuasa besar supaya keuntungan syarikat-syarikat mereka begitu tinggi sekali. Jika ada yang menjadi mangsa konsep ini, itu adalah masalah mereka.

LAYANAN

Negara-negara miskin mengeluh tetapi tidak menyoal sama ada konsep ini adil atau tidak. Mereka terima sahaja konsep harta intelek (intellectual property) sebagai satu daripada undang-undang antarabangsa yang perlu mereka patuhi. Jika mereka mempunyai harta intelek mereka berharap mereka juga akan dapat layanan yang sama. Tetapi kerana kos kaji selidik begitu tinggi jarang

lah ada harta intelek milik negara dan bangsa yang miskin. Umumnya undang-undang harta intelek antarabangsa hanya menguntungkan negara-negara yang kaya.

Tetapi jika kita perhatikan keadaan di negara maju, kita akan lihat satu fenomena yang menjadi-jadi, iaitu terdapat ramai rakyat dari negara yang miskin bekerja di negara-negara maju ini. Mungkin ini adalah satu kebaikan kerana mereka dapat bekerja dan daripada pendapatan mereka dapatlah sebahagian dihan tar balik kepada kaum keluarga. Banyak juga negara miskin yang bergantung dengan 'remittance' ini.

Tetapi di antara rakyat negara miskin yang berhijrah ke negara maju terdapat ahli professional dan saintis, termasuk juga yang membuat kaji selidik dalam berbagai-bagai bidang.

Terdapat beratus doktor perubatan dari Malaysia yang bekerja di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Mereka ini menjadi doktor kerana Malaysia menyediakan sekolah, universiti dan biasiswa. Daripada seratus ribu anak Malaysia yang mendapat pelajaran berkat peruntukan 'belanjawan atau 'bajet' yang besar oleh Kerajaan Malaysia, hanya beberapa orang sahaja yang berotak geliga yang dapat menuntun ilmu perubatan umpamanya. Mereka ini berpeluang belajar di dalam dan di luar negeri, di peringkat ijazah dan post-graduate.

Apabila mereka dapat kelulusan yang tinggi mereka diumpun oleh negara kaya dengan gaji besar dan mereka tidak lagi pulang ke tanah air. Malaysia memerlukan khidmat mereka tetapi tidak dapat menawarkan gaji yang sama tinggi dengan di negara maju.

Jika kita fikir tentu kita akan dapati ada persamaan antara kaji selidik beratus formula ubat supaya mengenal pasti satu yang mustajab dengan memberi pelajaran kepada ratusan ribu muda-mudi Malaysia supaya dapat kita kenal pasti sebilangan kecil yang berbakat. Jika mereka ini mendapat pelajaran tinggi dan kemudian berkhidmat dalam negara maka terpulanglah modal rakyat yang dilabur untuk memberi pelajaran kepada anak rakyat.

Tetapi jika yang berbakat ini pergi bekerja di negara maju maka tidak adalah pelung dan manfaat daripada pelaburan rakyat untuk mereka. Sebaliknya negara maju, tanpa membelanja satu sen pun, mendapat manfaat daripada sebilangan yang kecil rakyat negara miskin yang berbakat.

Negara miskin ditinggal dengan rakyatnya yang tidak berbakat dan tidak berilmu pengetahuan. Keadaan ini tidak adil sama sekali. Sepatutnya negara miskin harus dapat balik pelaburan untuk melatih dan memberi pelajaran sehingga dapat dikenalpasti sebilangan yang kecil yang berbakat.

Negara-negara yang mendapat faedah daripada mereka ini sepatutnya bukan membayar gaji pada mereka sahaja tetapi juga kepada negara miskin yang melabur dalam pelajaran dan pendidikan bagi sebilangan besar daripada muda-mudi mereka sebelum dapat dikenal pasti yang mana yang berbakat. Keadaannya tidak berbeza daripada penyelidikan puluhan dan ratusan formula ubat supaya dapat dikenal pasti satu dua yang berguna.

Tetapi keadaan sekarang negara miskin membelanjakan wang yang banyak untuk kenal pasti dan melatih cerdik-pandai mereka, dan negara kaya tanpa apa-apa usaha atau perbelanjaan mendapat hikmat daripada usaha negara miskin.

Ramai jugalah rakyat Malaysia yang terbaik dan terlatih dengan perbelanjaan ratusan juta oleh kita yang diperolehi dengan percuma oleh negara kaya di mana mereka ini bekerja.

Sepatutnya negara maju ini membayar royalti yang tinggi kepada kita dan kepada negara-negara membangun yang lain yang membelanja wang yang banyak untuk mengenal pasti dan melatih ahli-ahli professional yang sekarang bekerja di negara-negara maju.

Negara maju mencipta konsep harta intelek untuk menguntungkan mereka. Jika negara membangun cekap membuat interpretasi undang-undang hak cipta dan harta intelek, mereka juga akan dapat keuntungan daripada undang-undang antarabangsa ini.

Sesungguhnya tidak ada keadilan dalam pelaksanaan undang-undang antarabangsa ini, seperti juga dengan undang-undang antarabangsa yang lain.